

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

**TARIKH JAWAPAN : -**

**SOALAN**

**Dr. Tan Seng Giaw** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan menyatakan keadaan tenaga di Malaysia termasuk projek nuklear.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah kapasiti terpasang di Malaysia ialah 28,689MW dengan *reserve margin*, dengan izin, di Semenanjung berada pada paras 27.8%, Sabah 45% dan Sarawak 27.2%. Berdasarkan perancangan pembekalan elektrik yang dibuat sehingga tahun 2023, sumber penjanaan tenaga elektrik adalah terdiri daripada pelbagai campuran bahan api seperti gas, arang batu, hidro, diesel dan Tenaga Boleh Baharu (TBB).
2. Penjanaan elektrik daripada nuklear tidak dimasukkan dalam perancangan hingga tahun 2023.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMPUT ]**

**SOALAN : 251**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan program biasiswa khas untuk kumpulan pelajar Orang Asli yang hanya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta memandangkan tahap kemasukan pelajar Orang Asli dalam institusi pengajian tinggi masih rendah dan hanya mereka yang pergi ke IPTA mendapat biasiswa Kerajaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bantuan Kewangan Pendidikan IPTS telah diwujudkan dan dilaksanakan bermula tahun 1999 oleh Jabatan melalui Kementerian di mana bantuan ini adalah tertakluk kepada beberapa dasar dan syarat yang telah ditetapkan oleh JAKOA, iaitu :

1. IPTS di dalam negara sahaja.
2. IPTS tersebut perlu berdaftar di bawah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
3. Kursus yang ditawarkan oleh IPTS tersebut perlu mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia / *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).
4. Tempoh pengajian kursus Sijil / Diploma / Bachelor yang ditawarkan IPTS tersebut hendaklah tempoh perlaksanaannya selama 1 tahun dan ke atas.
5. Kadar bantuan pelajar IPTS ini adalah berjumlah RM1,800.00 setahun mengikut tempoh pengajian pada surat tawaran IPTS tersebut.

## 6. Mendapat kelulusan daripada Ibu Pejabat JAKOA.

Menurut rekod JAKOA sehingga September 2016, Jabatan melalui Kementerian telah membuat pembayaran sebanyak RM 101,700.00 kepada seramai 82 orang pelajar yang melanjutkan pengajian di IPTS melalui permohonan tajaan JAKOA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan maklumat dan statistik bilangan penjawat awam yang berketurunan Orang Asli mengikut kumpulan pengurusan tertinggi, profesional, sokongan dan teknikal dan khususnya untuk Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan apakah usaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada Orang Asli dalam JAKOA.**

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sehingga Jun 2016, seramai 1,525 orang pegawai dalam perkhidmatan awam adalah dari kalangan kaum Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, Seorang pegawai berada dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Manakala, 172 orang pegawai berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 1,352 orang pegawai berada dalam Kumpulan Pelaksana. Bagi pengisian dari kalangan kaum Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), seorang pegawai berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 110 orang pegawai berada dalam Kumpulan Pelaksana.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik minat calon-calon dari kaum minoriti termasuk Orang Asli untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif bagi menggalakkan masyarakat Orang Asli untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya, adalah seperti berikut:

- i) memberikan kelonggaran dari segi syarat tapisan dalam proses pengambilan dengan hanya mengenakan syarat kelayakan minimum;
- ii) mengadakan sesi *engagement* dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA);
- iii) mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada masyarakat Orang Asli melalui JKOA; dan

**SULIT**

- iv) mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan pedalaman.

Sekian. Terima kasih.



**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMPUT ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama sekolah yang dibenarkan Program Dwibahasa (DLP) mengikut negeri dan polisi Kerajaan untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

*Dual Language Programme (DLP)* adalah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dan sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, untuk menghasilkan murid dengan kemahiran dwibahasa. Sehubungan itu, DLP sedang dilaksanakan oleh KPM mulai tahun 2016. Sebanyak 292 sekolah telah mengikuti program tersebut iaitu 126 sekolah rendah dan 166 sekolah menengah.

Di samping itu, inisiatif lain KPM yang dijalankan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid ialah:

1. Penambahan masa waktu pengajaran dan pembelajaran.
2. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (mata pelajaran Bahasa Inggeris sekolah rendah).
3. Penarafan antarabangsa *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) untuk pendidikan bahasa Inggeris.
4. Program LINUS2.0 (sekolah rendah).
5. *Highly Immersive Programme* (HIP) untuk bahasa Inggeris.

**NO. SOALAN: 254**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**

**RUJUKAN : 9494**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan migran Syria di Malaysia hasil daripada konflik Syria dan Iraq, apakah bentuk bantuan Kerajaan daripada segi kewangan, kehidupan, pekerjaan dan kewarganegaraan kepada mereka.

## **JAWAPAN:**

**Untuk makluman, Malaysia bukan Negara Anggota kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan atau Protokolnya 1967. Dasar Negara juga sehingga kini tidak mempunyai peruntukan atau takrifan khusus yang menyentuh mengenai “Pelarian” termasuk Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).**

**Pada Sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada 1 Oktober 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan untuk menerima kemasukan seramai 3,000 orang migran Syria dalam tempoh 3 tahun bermula pada tahun 2016. Sehingga kini, Kerajaan telah membantu seramai 79 orang migran yang terdiri daripada 20 buah keluarga warganegara Syria di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS).**

**Malaysia bersama-sama komuniti antarabangsa telah menyatakan komitmen untuk memberikan perlindungan dan bantuan atas dasar kemanusiaan ke atas rakyat Syria yang terlibat dalam kancah peperangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengklasifikasikan status kumpulan ini sebagai migran dan bukannya “Pelarian”. Dalam hal ini, kumpulan tersebut boleh mendapat akses kepada pekerjaan, pendidikan dan kesihatan berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada yang ditetapkan ke atas migran yang tinggal di Malaysia secara sah. Kumpulan ini juga diberi pertimbangan untuk meneruskan kehidupan semasa keberadaan mereka di Malaysia serta mendapatkan akses kepada kemudahan kesihatan, pendidikan dan pekerjaan tidak formal.**

**Suka diingatkan di sini bahawa usaha membantu meneruskan kehidupan dan keberadaan migran Syria melalui Program ini di Malaysia adalah di atas platform kemanusiaan dan kumpulan migran tersebut akan pulang semula ke Negara mereka setelah peperangan selesai dan situasi dalam negaranya kembali aman. Oleh itu, tidak timbul isu pemberian kewarganegaraan kepada kumpulan migran tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMPUT ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan setiap tahun semenjak Program Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) bermula, berapa yuran guaman masih tidak dibayar mengikut negeri. Adakah program itu akan diteruskan.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan kewangan yang diterima untuk pelaksanaan Program Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) pada tahun 2011 sebanyak RM5 juta manakala RM10 juta diperuntukkan untuk tahun 2012 dan sebanyak RM20 juta bagi tahun 2013.

Sepanjang tempoh 2012 sehingga 30 November 2015, tiada bayaran tertunggak bagi tuntutan bayaran peguam panel berdaftar. Walau bagaimanapun, berlaku tunggakan tuntutan bayaran peguam panel berdaftar mulai 1 Disember 2015 disebabkan kelewatan penyaluran dana yang hanya diterima pada 31 Mac 2016 secara berperingkat.

Sehingga 30 September 2016, jumlah keseluruhan tuntutan bayaran peguam panel berdaftar ialah sebanyak RM7,087,555.69. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,564,252.91 (50%) tuntutan bayaran peguam panel telah selesai dibayar sehingga 1 November 2016.

Sebanyak RM3,106,324.48 (44%) tuntutan bayaran tertunggak yang masih belum selesai kerana memerlukan penjelasan lanjut daripada peguam panel yang menuntut serta terdapat dokumen-dokumen sokongan yang tidak lengkap seperti:

- (i) ketiadaan nombor kes mahkamah;
- (ii) ketiadaan surat pengesahan temu duga klien daripada Jabatan Penjara Malaysia; atau
- (iii) ketiadaan salinan perintah mahkamah.

## SULIT

YBGK akan membuat pembayaran sebaik sahaja peguam panel mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap.

Jumlah selebihnya iaitu RM416,978.30 (6%) adalah jumlah tuntutan bayaran peguam panel yang tidak diluluskan kerana mengemukakan tuntutan yang tidak layak dituntut dan tidak teratur, tuntutan lewat lebih daripada 3 bulan dan/atau maklumat nombor kad pengenalan Orang Kena Tuduh (OKT) yang tidak tepat.

Sekian. Terima kasih.